



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI
WASALLAM 1440 HIJRAH DAN MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN
JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

*Hari Sabtu, 1 Disember 2018
Berakas, Bandar Seri Begawan*

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari ini mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1440 Hijrah bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya sempena memperingati Hari Keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan bagi Pegawai-Pegawai dan kakitangannya. Majlis diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di Jalan Menteri Besar.

Hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyampaikan Sijil Perkhidmatan tersebut ialah Yang Berhormat, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Yang Mulia Setiausaha Tetap, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran HAJI Mohd Ishak; Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan Awang Abdul Halidi bin Mohd Salleh; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai dan kakitangan di kementerian tersebut serta para penerima sijil.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Mulia, Awang Morni bin Haji Nayan, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Sufri Bolkia.



Seterusnya diikuti Ceramah Khas yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), iaitu Yang Mulia, Dr Haji Hambali bin Haji Jaili, Pengarah Pusat Bahasa.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Syarafil Anam oleh Pasukan Dikir yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

Acara pada sebelah petang itu diteruskan dengan Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan bagi Pegawai-Pegawai dan kakitangannya. Seramai 58 orang Pegawai dan Kakitangan yang telah bersara pada tahun 2016 / 2017 Masehi telah menerima Sijil Perkhidmatan masing-masing berserta cenderahati di majlis tersebut.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat.

/TAMAT.